

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

Fokus aktiviti di luar bandar  
08 Jun 2011  
Sinar Harian (Pahang)  
NEWS  
N/A  
Daily  
60,000 /

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

Malay  
P7  
234 cm<sup>2</sup>  
Full Color  
1,287  
3,861



# Fokus aktiviti di luar bandar

## Penuntut IPT diminta perbanyak program



■ Mohd Soffi (barisan tengah, lima kiri) merakamkan kenangan bersama tetamu jemputan dan penuntut UUM sempena program Bakti Siswa Perdana dan Anak Angkat, baru-baru ini.

**BENTA** - Penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) diminta memperbanyakkan kegiatan kemasyarakatan termasuk penyelidikan dalam bidang tertentu di kawasan luar bandar atau pedalaman sebagai usaha memajukan penduduk di kawasan terbabit.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Benta, Datuk Ir Mohd Soffi Tan Sri Abdul Razak berkata, penuntut perlu berganding bahu dengan kerajaan merealisasikan pembangunan sebagai agenda mengubah kehidupan penduduk luar bandar.

Menurutnya, ia termasuklah membantu menarik minat dan menanam motivasi kepada pelajar

luar bandar terhadap pendidikan.

"Justeru, Kerajaan Negeri meminta penuntut memperbanyakkan program pendidikan dan sosial di pedalaman negeri ini termasuk perkampungan Orang Asli seperti menerusi program Bakti Siswa.

"Kelebihan memiliki ilmu dan kemahiran dalam kalangan penuntut wajar dikongsi bersama, bukan disimpan begitu sahaja kerana ia harus digunakan untuk membantu orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Program Bakti Siswa Perdana dan Anak Angkat Universiti Utara Malaysia (UUM) anjuran Gerakan

Belia 4B (GB4B) Cawangan Benta bersama GB4B Cawangan Budu Baru, di sini, baru-baru ini.

Hadir sama, Penghulu Mukim Budu, Abdul Karim Yaakob; Pengerusi GB4B Kawasan Lipis, Azhari Rose; Naib Pengerusi GB4B Cawangan Budu Baru, Yusaini Samad dan pensyarah pengiring, Nurul Naimah Rose.

Pada majlis itu, Mohd Soffi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kemudahan Asas dan Pengangkutan negeri menyerahkan 40 penuntut UUM kepada 12 keluarga angkat untuk menjalani pelbagai kegiatan kemasyarakatan selama lima hari di Kampung Benta dan Budu.